

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 MARCH 2017

PM pengerusikan mesyuarat tergepar MKN

UM - 8/3/2017

KUALA LUMPUR 7 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang baru tiba dari Jakarta, Indonesia petang ini, mempengerusikan mesyuarat tergepar Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung tindakan Korea Utara menghalang rakyat Malaysia meninggalkan negara itu.

Mesyuarat tersebut yang mengambil masa kira-kira 45 minit adalah bagi membincangkan langkah-langkah lanjut berhubung tindakan Korea Utara itu.

Difahamkan, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat tertutup itu kira-kira pukul 5.30 petang yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Selepas mesyuarat itu, Perdana Menteri menerusi blognya www.najibrazak.com memberi jaminan akan melakukan segala yang terdaya untuk memastikan kesemua rakyat Malaysia di Korea Utara pulang ke tanah air dengan selamat.

"Saya telah diberi taklimat ter-



Fokus utama kita adalah untuk memastikan keselamatan serta membawa pulang rakyat Malaysia yang berada di sana."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

perinci mengenai situasi semasa. Fokus utama kita adalah untuk memastikan keselamatan serta membawa pulang rakyat Malaysia yang berada di sana.

"Saya faham perasaan dan kebimbangan keluarga serta kenalan rakyat Malaysia yang ditahan di Korea Utara," katanya dalam blog berkenaan.

Sementara itu menurut jurucakap Pejabat Perdana Menteri, mesyuarat yang diadakan di

Pangkalan Udara Subang dekat sini lebih menjurus kepada usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu tersebut secara diplomatik.

"Selain itu, mesyuarat tersebut turut melibatkan penilaian lanjut mengenai situasi berkenaan," kata jurucakap itu di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan Ketua Pengarah MKN, Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Lef-tenan Jeneral Datuk Abdul Hadi Hussin; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ramlan Ibrahim; Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali dan Pen-

garah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun.

Perdana Menteri berada di Jakarta sejak semalam bagi menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara Pesisir Lautan Hindi (IORA) yang berakhir hari ini.

Beliau pada pagi ini mengeluarkan arahan dari Jakarta supaya menghalang semua warga Korea Utara daripada meninggalkan negara ini sebagai tindak balas terhadap arahan Kementerian Luar Korea Utara yang menyekat rakyat Malaysia di negara itu daripada meninggalkan negara itu.

